



SIARAN AKHBAR

SUMBANGAN PERALATAN TEKNOLOGI DARIPADA BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK (BDCB) KEPADA POLITEKNIK BRUNEI (PB)

1. Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat [CSR] yang berterusan, Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] telah menyumbangkan beberapa peralatan teknologi maklumat kepada Politeknik Brunei dan Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut.
2. Sumbangan tersebut merangkumi peralatan teknologi maklumat yang terdiri daripada repurposed servers, network devices, and desktop units yang telah dikitar semula dan masih berfungsi.
3. Majlis penyerahan pertama telah berlangsung di Politeknik Brunei, Kampus Ong Sum Ping pada 13 Oktober 2025, dengan BDCB diwakili oleh Yang Mulia Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Penolong Pengarah Urusan [Pembangunan Korporat]. Majlis penyerahan kedua diadakan pada 10 November 2025 di Sekolah Rendah Sungai Tali, yang diwakili oleh Yang Mulia Haji Muhd Shukri bin Haji Ahmad, Pengarah Eksekutif Kewangan Syariah selaku Pengerusi Tanggungjawab Sosial Korporat BDCB.
4. Sumbangan ini menyerlahkan komitmen BDCB terhadap usaha kelestarian melalui penggunaan semula aset IT secara bertanggungjawab bagi memanjangkan jangka hayatnya, serta mengurangkan sisa elektronik, sekali gus menyokong ekonomi kitar semula dan matlamat kemampanan negara. Inisiatif ini juga seiring dengan Wawasan Brunei 2035, dengan memupuk kesiapsiagaan digital, pembangunan keupayaan dan kemahiran bagi membentuk sebuah masyarakat yang berpengetahuan, berinovasi dan mampan.
5. Melalui usaha-usaha sedemikian, BDCB secara aktif mempromosikan pembangunan komuniti, menggalakkan kemajuan pendidikan, serta menyokong amalan industri yang lestari, demi memperkasa generasi akan datang dan menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 23 Jamadilawal 1447H / 14 November 2025M

Reference: BDCB/COMMS/3



Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut



Politeknik Brunei